

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**  
**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI**

**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan adakah pihak Kementerian terlibat dalam pengkajian semula terhadap undang-undang khususnya perlindungan kanak-kanak di Malaysia sebagai kerjasama semua pihak yang berkepentingan dalam mewujudkan undang-undang perlindungan kanak-kanak secara menyeluruh dan berkesan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 yang mana baru-baru ini telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Jun 2016 dan diwartakan pada 25 Julai 2016 merupakan satu undang-undang yang menumpukan kepada perlindungan dan kebajikan kanak-kanak di Malaysia. Pelaksanaan Akta A1511 ini akan melibatkan kerjasama pihak berkepentingan antaranya seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Jabatan Penjara dan orang awam (pelaporan).

Selain daripada pindaan Akta A1551, isu keganasan terhadap kanak-kanak dari segi seksual menjadi agenda utama Kerajaan di mana YAB Perdana Menteri semasa sambutan Hari Wanita Kebangsaan telah mengumumkan untuk meninjau kemungkinan mewujudkan satu akta baru yang khusus bagi jenayah seksual kanak-kanak atau meminda akta-akta berkaitan jenayah seksual kanak-kanak termasuk Kanun Keseksaan, Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, Akta Keterangan Saksi

Kanak-Kanak 2007 dan Akta Keterangan 1950. Sehubungan itu, satu Pasukan Petugas Jenayah Seksual telah ditubuhkan oleh YB Dato' Seri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

*Taskforce* ini dianggotai oleh agensi Kerajaan, NGO dan pertubuhan yang berkaitan antaranya seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia, Majlis Peguam Negara dan *Protect and Save the Children*.

*Taskforce* ini berperanan dalam meneliti kemungkinan untuk mewujudkan suatu akta baharu mengenai jenayah seksual sama ada secara *online* atau *offline* atau meminda akta sedia ada.

Dengan adanya usaha-usaha pindaan akta ini, adalah diharapkan kanak-kanak di Malaysia dapat dilindungi daripada kegiatan jenayah seksual sama ada bermula di alam siber (dengan izin, *sexual grooming*) serta mendapat intervensi dan melalui proses kehakiman yang sewajarnya sekiranya telah menjadi mangsa.